

**Parlimen: Pindaan Akta Profesion Undang-undang Dibentang Di Dewan Rakyat
Bernama
18 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Pindaan Akta Profesion Undang-Undang 1976, yang memasukkan bahagian baru berkenaan meliberalisasikan profesion undang-undang di Malaysia, dibentangkan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Liew Vui Keong di Dewan Rakyat Rabu.

Pindaan berkaitan liberalisasi itu adalah untuk memajukan Malaysia menjadi hab kewangan Islam antarabangsa selain mengembangkan kerja, kepakaran dan pengkhususan profesion undang-undang di Malaysia.

Pindaan itu akan membolehkan firma guaman asing menjalankan amalan di Malaysia dalam bidang amalan yang dibenarkan melalui lesen perkongsian antarabangsa atau firma guaman asing berkelayakan.

Firma guaman tempatan juga dibenarkan untuk menggunakan khidmat peguam asing tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

Namun, pindaan itu memperuntukkan bahawa firma guaman asing yang tidak mempunyai lesen, tidak boleh menjalankan amalannya di negara ini.

Mana-mana firma guaman asing yang melanggar peruntukan itu boleh didenda tidak melebihi RM100,000, jika sabit kesalahan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659960>